



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PERKEMBANGAN TEKNOLOGI RAKAMAN DALAM
INDUSTRI MUZIK *UNDERGROUND* DI MALAYSIA**

Megat Sazali Bin Rohimi

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)
2008

**PERKEMBANGAN TEKNOLOGI RAKAMAN DALAM INDUSTRI MUZIK
*UNDERGROUND DI MALAYSIA***

MEGAT SAZALI BIN ROHIMI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: Perkembangan Teknologi Rakaman dalam Industri Muzik *Underground* Malaysia

SESI PENGAJIAN 2005/2006

Saya **MEGAT SAZALI B. ROHIMI**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan



SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 16/5/08

Tandatangan Penulis

Tarikh: 14/05/2008

Alamat Tetap:

No 10 JLN RP 12/3 Taman Rawang Perdana 2,
48000 Rawang,
Selangor Darul Ehsan

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

*Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkewenang dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Perkembangan Teknologi Rakaman dalam Industri Muzik**

Underground di Malaysia telah di sediakan oleh **Megat Sazali bin Rohimi** dan telah di serahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam program Muzik

Diterima untuk diperiksa Oleh



Dr. Hasnizam Abdul Wahid

Tarikh:



PENGAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.



(MEGAT SAZALI BIN ROHIMI)

No Matrik : 15739

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya penyelidikan ilmiah ini berjaya di siapkan tanpa sebarang masalah yang melanda. Segala kebaikan dan kejayaan di dalam penyelidikan ilmiah ini datang daripada izinnya. Setinggi-tinggi pegghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Ibu dan bapa tercinta En. Rohimi B. Yusof dan Pn. Zaini B. Yusoff yang telah banyak memberi galakan, dorongan dan bantuan dari pelbagai aspek. Tanpa mereka, penyelidikan ilmiah serta projek ini tidak akan terhasil seperti yang sedia ada sekarang.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Hasnizam Abdul Wahid selaku penyelia utama serta pensyarah-pensyarah dan tutor program muzik Cik Connie Lim, Cik Misato Sakai, Cik Laura Pranti Tutom dan Cik Vivi Aisyah tidak di lupakan kepada Cik Ng Sie Ai dan Puan Thia Sock Siang yang sedang melanjutkan pelajaran mereka keluar negara. Terima kasih di atas tunjuk ajar, sokongan dan sumbangan dalam menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini.

Buat teman-teman seperjuang tahun 3 program muzik Abdul Aziz, Kartik Kumar, Stanley Oliver, Gregory, Siti Mariani Hamlin, Caroline bidin, Liza Agus, Dalih Anson, Cecilia Chai, Lilimatun Ashikin, Sofia Drahman dan rakan-rakan dalam program muzik dari tahun 1 hingga tahun lima terima kasih di atas segala bantuan dan dorongan yang tidak berbelah bagi dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak dilupakan kugiran *Sevenda yaſter* dan *trendkill* yang menyumbangkan idea serta membantu dalam menyiapkan rakaman muzik *Sevendays after* dan *trendkill*.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya Kepada kakitangan teknikal dan pejabat Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak serta setinggi

perhargaan kepada semua yang telah terlibat secara langsung dalam menjayakan projek serta penyelidikan tahun akhir ini ribuan terima kasih.

ABSTRAK

Perkembangan teknologi rakaman di Malaysia memberi dimensi baru dalam industri muzik underground di Malaysia. Matlamat bagi penyelidikan ini ialah untuk mengkaji metodologi dan praktis dalam penghasilan muzik underground di Malaysia dan juga impaknya terhadap industri muzik arus perdana di Malaysia.

ABSTRACT

The evolution in recording technology in Malaysia give a new dimension in underground music industry The aim of this research is to investigate the method and practice in producing underground music in Malaysia as well as its impact towards the mainstream music industry in Malaysia

ISI KANDUNGAN

| | |
|-----------------------------------------------|--------|
| Halaman Tajuk | i |
| Borang Pengesahan Status Tesis/Laporan | ii |
| Pengesahan dan Tandatangan Penyelia | iii |
| Pengakuan Pelajar | iv |
| Penghargaan | v-vi |
| Abstrak | vii-ix |
| <i>Abstract</i> | x |
| Isi kandungan | xi |

1. BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|------------------------------------------------|-------|
| 1.1 Pengenalan | 1-2 |
| 1.2 Latar belakang kajian | 3 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.4 Matlamat Kajian | 4 |
| 1.5 Objektif Kajian | 4 |
| 1.6 Skop Kajian | 5 |
| 1.7 Penulisan Literasi | 6 |
| 1.71 Sistem Rakaman Analog dan Digital | 6 |
| 1.72 Teknologi Rakaman Dalam | |
| Industri Muzik di Malaysia | 7-8 |
| 1.73 Sejarah Industri Muzik <i>Underground</i> | |
| Malaysia | 9-10 |
| 1.74 Konsep D.I.Y <i>Do it Yourself</i> | 10-11 |
| 1.8 Hipotesis | 11 |

2. BAB 2 METODOLOGI PENYELIDIKAN

| | | |
|-----|---------------------|-------|
| 2.1 | Pengenalan | 12 |
| 2.2 | Kaedah Penyelidikan | 12 |
| | 2.21 Kualitatif | 12-13 |
| 2.3 | Peralatan Kajian | 13-14 |

3. BAB 3 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|------|-------------------------|-------|
| 3.1 | Pengenalan | 15 |
| 3.2 | Studio King | 16-19 |
| 3.3 | Studio Channel Eleven | 20-24 |
| 3.4 | Studio Utusan | 25-28 |
| 3.5 | Studio Iseekmusic | 29-32 |
| 3.6 | Studio FYI | 33-35 |
| 3.7 | Teknik Rakaman Analog | 36-37 |
| 3.8 | Teknik Rakaman Digital | 38-39 |
| 3.9 | Teknik-Teknik Mikrofon | 40 |
| 3.10 | <i>Effect Simulator</i> | 41 |

4. BAB 4 PERBINCANGAN

| | | |
|-----|---------------------------|-------|
| 4.1 | Pengenalan | 42 |
| 4.2 | Sistem Rakaman | 42-44 |
| 4.3 | Teknik Rakaman | 45 |
| 4.4 | Teknik Merakam Gitar | 45-46 |
| 4.5 | Teknik Merakam Drum | 46-47 |
| 4.6 | Teknik Merakam Gitar Bass | 48 |
| 4.7 | Teknik Merakam Vokal | 48 |
| 4.8 | Proses Adunan | 48 |

5. BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

| | | |
|-----|--------------------------|----|
| 5.1 | Rumusan | 49 |
| 5.2 | Langkah-Langkah/Cadangan | 50 |
| 5.3 | Kesimpulan | 51 |

BIBLIOGRAFI 52-53

DISCOGRAFI 54

LAMPIRAN 55-57

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri muzik *underground* di Malaysia berkembang dari semasa ke semasa bukan sahaja dari genre muziknya malahan teknologi-teknologi dalam rakaman muziknya. Idea yang lebih bebas dalam muzik *underground* memperlihatkan pelbagai jenis genre muzik telah terhasil. Dari segi kualiti rakaman, Industri muzik *underground* Malaysia masih ketinggalan. Kebanyakkannya menghasilkan dan merakam muzik mereka mengikut kemampuan sendiri tanpa bantuan mana-mana pihak

‘*Underground*’ di dalam kamus Dewan bermaksud bawah tanah ataupun tersembuni. *underground* lebih kepada falsafah, perjuangan, fahaman dan mesej yang menjadi pegangan dan ingin disampaikan. *Underground* menurut wikipedia di terangkan sebagai budaya yang meletakkan diri mereka berbeza dari arus perdana atau budaya-budaya lain. Ianya adalah satu budaya yang mempunyai pengikut yang tersendiri. Konsep itu akhirnya menjadi ikutan dan di gunakan dalam muzik. Menurut wikipedia juga *Underground* muzik adalah muzik yang mewujudkan pengikut kultus (*cult follower*), dimana mereka mempunyai pengikutnya yang obses dengan fahaman *underground*. *Underground* selalu digunakan untuk mengklifikasikan muzik yang tidak di dalam arus perdana dan mempunyai genre-genre yang pelbagai.

Menurut Norhanim (2002) Perkataan *underground* lazimnya selalu dikaitkan dengan tindak-tanduk gerombolan berhaluan kiri berciri subversif, radikal dan anarkis, yang menyangkal sistem-sistem otoritatif sesebuah komuniti atau peradaban, dan sering

dilabel *anti-establishment*. Namun dalam konteks seni muzik pula, muzik *underground* menyentuh pelaksanaan kreativiti dan bakat yang terhasil secara *independent* tanpa seratus peratus bergantung kepada elemen-elemen kapitalisme perdana yang membabitkan orang tengah, khususnya segelintir syarikat rakaman besar dan parasit seni, yang sering mengambil kesempatan ke atas hak-hak artis rakaman yang memungkinkan popularitinya meletup dalam sekelip mata dan merudum juga dalam sekelip mata.

Menurut Noir (2003) terma *underground* ini dihubungkan terus dengan muzik, gaya hidup anak muda yang punya jiwa protes terhadap arus konvensional muzik semasa. Daripada zaman pencetusan aliran *underground* hingga sekarang, banyak perubahan telah berlaku. Tidak salah juga jika mengatakan sejarah muzik *underground* di Malaysia ini mewujudkan impak yang signifikan kepada corak pemikiran, gaya hidup malahan identiti budaya anak muda moden Malaysia.

1.2 Latar belakang kajian

Perkembangan muzik *underground* adalah seiring dengan perkembangan teknologi rakaman yang berubah dari analog ke digital. Tumbuhnya banyak studio rakaman di Malaysia memberi peluang kepada para pemuzik *underground* untuk berkarya dan mempelajari teknik-teknik rakaman. Kesan dari perkembangan teknologi rakaman, pemuzik-pemuzik *underground* ini mampu untuk membuka studio rakaman dengan modal mereka sendiri tanpa di kongkong oleh mana-mana pihak. Sehingga ke hari ini perkembangan teknologi di Malaysia memudahkan para pemuzik *underground* untuk merakam muzik mereka.

Muzik underground di pilih kerana Industri muzik underground di Malaysia sering di pinggirkan dalam industri muzik di Malaysia sedangkan dalam arus muzik underground terdapat pelbagai jenis genre muzik yang dapat di pertengahkan untuk para pendengar dan dapat mempelbagaikan lagi genre muzik dalam industri muzik di Malaysia

Studio rakaman di Malaysia tumbuh bagi cendawan dengan teknologi-teknologi yang terkini dan ada diantaranya yang masih mengekalkan teknologi lama yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Muzik *underground* menggunakan teknologi ini sebagai bahantara untuk memperkembangkan lagi hasil karya mereka.

1.3 Permasalahan Kajian

Penghasilan mutu serta kualiti rakaman muzik bagi kugiran *underground* di Malaysia tidak begitu membanggakan. Muzik *underground* dapat berkembang dengan adanya rakaman muzik yang berkualiti. Perkembangan teknologi rakaman dari sistem analog ke digital menjadikan penghasilan sesuatu rakaman muzik yang berkualiti serta lebih mudah.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah mempertingkatkan lagi kualiti rakaman dengan menggunakan saluran yang betul untuk rakaman dan adunan muzik bagi sesebuah kugiran *underground* yang berpotensi untuk pergi lebih jauh lagi dalam industri muzik di Malaysia.

1.5 Objektif

Objektif umum

Objektif umum adalah untuk mengetahui sistem-sistem rakaman yang digunakan dalam industri rakaman muzik *underground* di Malaysia.

Objektif Khusus

- Untuk objektif khusus Kajian, penyelidik mengkaji apakah teknologi yang digunakan serta proses-proses rakaman yang digunakan oleh para pemuzik *underground* untuk menghasilkan karya. Penekanan akan diberikan dari aspek teknik-teknik rakaman serta medium yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu karya.
- Penyelidik juga mengkaji sistem rakaman analog dan digital yang digunakan dalam rakaman muzik *underground*.
- Penyelidik akan mengambil sebuah kugiran *underground* untuk merakam dan mengadun muzik mereka dengan menggunakan sistem digital.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan dilakukan di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Skop kajian merangkumi Studio-studio rakaman serta jurutera bunyinya dan juga kelompok *underground* serta pemuziknya di sekitar Kuala Lumpur dan Kuching. Skop kajian ini memberi penekanan kepada teknologi rakaman muzik *underground*.

1.7 Penulisan Literasi

1.71 Sistem rakaman analog dan digital.

Studio rakaman di Malaysia tumbuh bagai cendawan dengan teknologi-teknologi yang terkini dan ada diantaranya yang masih mengekalkan teknologi lama yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Merujuk laporan dasar dan strategi pembangunan industri muzik Malaysia (2005) Kesemua rakaman yang dilakukan di Malaysia dalam sekitar tahun 60an dan 90an boleh dikatakan menggunakan sistem analog. Menurut Miles & Robert (2001) sistem analog popular pada 1940an sehingga tahun pertengahan 90an sebelum sistem digital mengambil tempat. Muzik *underground* menggunakan teknologi ini sebagai bahantara untuk memperkembangkan lagi hasil karyanya.

Menurut Rumsey (1994) dan McCormick (1994) sistem rakaman analog menggunakan sistem rakaman *multitrack recording*. Rakaman analog terhasil daripada tekanan bunyi dan di alih kepada voltan elektrik menggunakan microphone. Tenaga elektrik itu tadi di adaptasi ke dalam *magnetic tape*, *optical film soundtrack* atau *LP*. Perbezaan dengan sistem digital juga dapat dilihat dari medium yang digunakan serta prosesnya. Rakaman digital pula gelombang bunyi di ubah kedalam bentuk *binary number* yang mewakili amplitude signal. *Binary number* adalah data yang di baca oleh komputer. Sistem digital berkembang seiring dengan perkembangan bidang IT di Malaysia.

Teknologi Rakaman dalam industri muzik Malaysia.

Perkembangan industri muzik adalah seiring dengan perkembangan teknologi rakaman yang berubah dari analog ke digital. Perkembangan ini memberi impak yang besar dalam industri *underground* Malaysia. Menurut Abdullah (1993) Kewujudan teknologi rakaman secara elektro-akustik ini merupakan kemajuan yang paling bermakna kepada seni muzik dimana ia mampu menukar sikap psikologi manusia terhadap muzik dan pembaharuan bagaimana manusia berinteraksi dengan muzik, Contohnya perkembangan iundustri muzik di Malaysia mempengaruhi gaya hidup masyarakat di Malaysia dengan perkembangan teknologi rakaman pelbagai jenis genre muzik mula terhasil. Sehingga ke hari ini pelbagai genre muzik dapat berkembang dengan adanya teknologi yang terkini Menurut laman web *History of recording*, teknologi rakaman telah mengubah budaya muzik dunia dimana muzik berkembang dengan lebih pesat.

Teknologi rakaman di Malaysia lebih ke hadapan berbanding dengan Negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand Menurut Ramli Ms (2007) berbanding dengan negara jiran, Kemudahan dari segi peralatan muzik dan teknologi adalah lebih ke depan berbanding negara-negara jiran seperti Indonesia dan filipina, dimana teknologi yang sedia ada dapat membantu dalam penghasilan muzik yang lebih kreatif.

Menurut laporan dasar dan strategi pembangunan industri muzik Malaysia (2005), syarikat rakaman pertama yang berdaftar di Malaysia ialah Hup Hup Sdn Bhd mula beroperasi pada tahun 1949 ini bermakna pada tahun itu rakaman muzik telah wujud pada masa itu dalam bentuk piring hitam dan pada 1980 pemain kaset di

perkenalkan di Malaysia. Menurut laporan dasar dan strategi pembangunan industri muzik Malaysia (2005) studio rakaman melayu yang pertama dibuka ialah *The Booty Boys* studio pada tahun 1982 dimana kebanyakan rakaman muzik pada masa itu di buat di studio *Booty Boys*. Tahun 1960an semua studio di Malaysia kebanyakannya menggunakan sistem analog menggunakan pita rakaman 2 inci dan *mixer* 1 hingga 12 saluran sahaja. Ianya berkembang ke 16 saluran pada 1980an.

Menurut En. Kamal (2007) , Studio King di Petaling Jaya adalah diantara studio rakaman yang pertama yang beroperasi di Malaysia di mana studio ini mula beroperasi dalam sekitar lewat 50an dan masih kekal sehingga ke hari ini, bermula dengan *mixer* 4 saluran ke 8 saluran dan berkembang sehingga la hari ini yang menggunakan sistem digital

Menurut En Thanasekar pula kebanyakan rakaman sebelum 70an kebanyakannya di buat di Singapura dan apabila menjelang tahun pertengahan 70an barulah rakaman di buat di Malaysia.

Teknologi rakaman di Malaysia semakin berkembang dimana penggunaan sistem rakaman digital semakin meluas dan penggunaan sistem analog makin berkurangan. Senario perkembangan teknologi dalam industri rakaman muzik di Malaysia memberi peluang kepada muzik underground di Malaysia untuk terus mempelbagaikan genre dan memberi peluang kugiran atau pengkarya muzik underground untuk merakam muzik mereka.

1.73 Sejarah Industri muzik Underground Malaysia.

Fenomena industri muzik *underground* Malaysia Menurut wikipedia ianya bermula dari *Blackfire, Rator, Infection maggot, D'Cromok, Nemesis, Puniser* dan pelbagai lagi. Kebanyakkan mereka adalah para pelajar Malaysia yang pulang dari luar negara membawa pengaruh muzik luar ke Malaysia Pengaruh yang di bawa ini masih kekal hingga ke hari ini dibawa oleh pelapis-pelapis seperti *lansuyr, necrotic chaos, mistik, love me butch. As sahar* dan pelbagai lagi.

Menurut Remin Noir (2003) Dipercayai pergerakan *underground* ini mula bertapak di Malaysia sekitar penghujung tahun 80'an. Selaras dengan perkembangan sosio-budaya anak muda dunia ketika itu yang dahagakan kebebasan dan tidak begitu menyukai ideologi golongan konservatif yang menghimpit. Maka tidak terkecuali juga anak muda moden di Malaysia sendiri. Muzik bagai menjadi salah satu bentuk wadah ekspresi jiwa yang melegakan.

Menurut En. Thanasegaran (2007) pada tahun 80an muzik *underground* kurang mendapat sambutan di Malaysia kerana pada masa itu kugiran yang bermain dalam arus perdana boleh dikatakan membawa genre yang berat seperti *rock* dan *heavy metal*. Menurut beliau juga contoh kugiran *underground* pada masa itu ialah kumpulan SYJ tetapi selepas itu kebanyakan mereka masuk ke dalam industri arus perdana. Kebanyakan kugiran *underground* pada masa itu membawa muzik bergenre berat berbanding dengan sekarang yang berkembang dengan pelbagai genre muzik.

Menurut seorang pemuzik *underground* yang di kenali sebagai Joe Kid (2007) mengatakan *D.I.Y* dalam industri muzik *underground* Malaysia ialah penghasilan muzik tanpa campur-tangan pihak industri muzik atau yang lain yang kebanyakannya hanya menolong untuk mengaut keuntungan. Ada pelbagai bentuk *DIY* yang dibawa, ada jenis *DIY* yang menghasilkan sendiri tapi masih menggunakan setengah pihak industri muzik yang ada untuk publisiti dan juga distribusi. Ada juga yang langsung sepenuhnya *DIY* tanpa campur-tangan apa saja yang ada. Dan pelbagai variasi diantara kedua yang disebut. Ianya pilihan diri masing-masing dan juga mengikut nilai-nilai yang dipegang oleh diri masing-masing. Yang penting, budaya *DIY* membangun semangat diri untuk mencapai apa saja yang diimpikan secara usaha atau kerah tenaga sendiri dan bukan bergantung pada orang lain. Ianya menjana diri kita untuk terus maju tanpa tongkat-tongkat yang sebenarnya adalah pagar-pagar yang menyekat kebebasan berkarya secara jujur.

1.8 Hipotesis

- Industri muzik *underground* di Malaysia dapat berkembang dengan rakaman dan adunan muzik yang lebih berkualiti dan menggunakan teknologi sebagai bahantaranya.
- Kugiran *underground* pada zaman 80 dan 90an juga menggunakan sistem analog untuk rakaman muzik mereka
- Teknologi digital memberi satu cara baru untuk merakam muzik dan boleh dikatakan sebagai penganti sistem analog yang telah berkurangan.

BAB 2

METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pengenalan

Untuk mendapat satu keputusan yang baik dan berkualiti kaedah kajian yang digunakan perlulah secara sistematik dan bersesuaian dengan tajuk yang di pilih. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dan di bandingkan bagi mendapatkan keputusan daripada persoalan yang diberi. Untuk penyelidikan ini, kaedah kualitatif digunakan.

2.2 Kaedah Penyelidikan

2.21 Kualitatif

Data boleh diperolehi dari beberapa sumber. Antara kaedah yang digunakan ialah

- Temubual adalah method yang digunakan dalam kajian ini, beberapa soalan telah disediakan dan penyelidik ke studio-studio rakaman menemuramah jurutera bunyi berkaitan sistem-sistem serta yang di gunakan seperti analog dan digital dan teknik-teknik rakaman. Penyelidik juga menemuramah pemuzik underground dan pemuzik yang menghasilkan muzik mereka di studio sendiri “home studio” berkaitan sistem mereka dan bagaiman mereka merakam muzik mereka.

- Email, dengan menggunakan internet sebagai bantara penyelidik akan menghantar soalan-soalan temuramah dengan email dan data akan datang dalam bentuk penulisan.
- Fotografi antara kaedah yang digunakan dimana rakaman audio atau visual. Dimana pengkaji ke studio-studio rakaman dan mengambil foto sistem yang digunakan serta alatan-alatan rakaman yang digunakan di studio itu.
- Analisa kandungan dimana data seperti di perolehi dari sumber-sumber seperti buku , majalah internet ataupun gambar.
- Pemerhatian penyertaan digunakan. Penyelidik memerhati dan menyertai kelompok *underground* itu sendiri dengan bergaul dengan kelompok underground untuk mendapatkan data-data.
- Analisa sekunder digunakan. Maklumat sebelum atau penyelidik-penyalidik yang sebelum ini telah membuat penyelidikan tentang tajuk yang berkaitan. Selain itu contoh-contoh rakaman lagu kugiran di kaji kualitinya

2.3 Peralatan Kajian

Peralatan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah pemain *SONY MD* untuk merakam audio temubual dengan para responden. Kamera foto *Kodak* digunakan untuk mengambil gambar-gambar peralatan yang digunakan untuk merakam muzik di studio-studio yang dipilih.